



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : [kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)
Facebook : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (34)

Tarikh : 9 Oktober 2015

SIARAN MEDIA

Memupuk Rasa Kepunyaan di Rumah Pangsa Taman Setia Jaya

Alor Setar, 9 Oktober 2015 – Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS7) Kejiranan Indah di Rumah Pangsa Taman Setia Jaya telah disempurnakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pagi ini.

2. Kualiti kehidupan penghuni rumah Pangsa Taman Setia Jaya ini telah ditingkatkan menerusi program NBOS Kejiranan Indah dimana rumah pangsa ini telah dibaik pulih dengan kos RM2,614,807.00 pada tahun 2012. Rumah Pangsa ini adalah perumahan awam di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Alor Setar.

3. Penambahbaikan ini telah merubah wajah rumah pangsa ini bertukar menjadi sebuah kejiranan indah yang ceria dan lengkap dengan bangunan yang telah dicat semula, menaik taraf dataran tempat letak kenderaan, penyediaan tempat letak motosikal berkunci, jalan, pencahayaan dan perparitan yang telah dinaik taraf, taman permainan baru serta persekitaran landskap baru yang indah.

4. Penduduk perlu dipupuk rasa kepunyaan atau *sense of belonging* untuk menghargai dan menjaga disediakan ini bersama-sama. Kemudahan ini akan kembali usang dan rosak jika tidak diselenggara dan dijaga. Bagi memastikan keceriaan Rumah Pangsa ini kekal dan menjagi kediaman yang dibanggakan, Kerajaan memperkenalkan Program Transformasi Sosial yang antara lain bertujuan untuk mencapai empat (4) objektif berikut :

- i. Mewujudkan kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program dan aktiviti yang dijalankan;
- ii. Mewujudkan nilai kebertanggungjawaban terhadap kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kebersihan dan keselamatan;

iii. Memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha meningkatkan kejiranan yang sejahtera, baik daripada segi fizikal, mental dan sosial; dan

iv. Menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan program/ aktiviti kesukarelawan.

5. Bagi merealisasikan inisiatif baru ini, KPKT telah mengenal pasti lima (5) program utama yang boleh dilaksanakan di semua lokasi NBOS Kejiranan Indah dengan kolaborasi antara Jabatan di bawah KPKT dan Agensi lain antaranya Jabatan Landskap Negara (JLN), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation (SWCorp), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 1M4U.

6. Kerjasama ini dapat dilihat menerusi program-program berikut:

i. Program Bandar Selamat telah dilaksanakan untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan kolaborasi antara PDRM, RELA, JPAM dan Rukun Tetangga. Selain daripada itu, Program AMANITA yang terdiri daripada anggota polis wanita sebagai ahli akan diperkenalkan untuk menarik suri rumah sebagai Rakan Amanita untuk menjadi ‘mata dan telinga’ kepada pihak polis bagi menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku. Jaya.

ii. Program Bomba Komuniti untuk memupuk kesedaran terhadap keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM.

iii. Program Rakan Taman juga telah diwujudkan di Rumah Pangsa ini untuk memupuk semangat kesukarelawan dan dijadikan amalan bagi memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf. Melalui Rakan Taman, penduduk boleh bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil dan bersama-sama berkongsi idea bagi memperindahkan landskap sedia ada bagi meningkatkan keceriaan kawasan sekitar. Selain daripada itu, aktiviti bumi hijau dengan menanam pokok-pokok, aktiviti rekreasi seperti senamrobik, Zumba, Tai Chi, Silambam atau apa – apa aktiviti yang sesuai juga boleh dijalankan.

iv Komuniti Kitar Semula (*reduce, reuse dan recycle*) untuk meningkatkan kadar kitar semula dengan sasaran 22% menjelang 2020. Bagi tujuan tersebut, pihak Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation (SWCorp) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Alor Setar akan membuat kutipan barang kitar semula di Rumah Pangsa Taman Setia Jaya secara berjadual.

v. Program Kesihatan Persekutuan, Jabatan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah akan memperkenalkan dan melaksanakan program *Communication for Behavioural Impact (COMBI)* atau Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku. Program COMBI adalah bertujuan untuk melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit berjangkit khususnya demam denggi.

7. Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan telah menujuhkan sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang tugas dan tanggungjawabnya seakan-akan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di luar bandar. Penubuhan JPP ini adalah berdasarkan kepada keperluan bagi mewujudkan struktur formal di bandar yang disertai oleh masyarakat setempat yang akan menggerakkan segala aktiviti di kawasan penempatan masing-masing serta dapat menyalurkan pandangan, cadangan dan isu-isu kesejahteraan bandar yang dihadapi oleh masyarakat setempat untuk diambil tindakan oleh Kerajaan Persekutuan. Sebanyak 31 zon JPP telah ditubuhkan di dalam kawasan Majlis Bandaraya Alor Setar yang mana setiap zon JPP terdiri daripada seorang Pengurus, seorang Setiausaha dan lapan (8) Ahli Jawatankuasa JPP.

8. Majlis pada pagi ini diadakan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Alor Setar, SUK Negeri Kedah, penduduk Rumah Pangsa Taman Setia Jaya dan agensi lain-lain yang terlibat

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlun. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my